




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **142 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,997 kes**. Tiga (3) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu dua (2) kes di Daerah Tawau dan satu (1) kes di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai **173** pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh **48,707** orang. Sejumlah 1,367 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 495 orang di hospital, 869 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tiga (3) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 63 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Telupid berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **tiada** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 142 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 103 kes (72.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 14 kes (9.9%), saringan kluster sedia ada empat (4) kes (2.8%), kluster komuniti dua (2) kes (1.4%) dan 19 kes (13.4%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,078 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,033 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,111 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 22.37%.

B PEMBUKAAN AKTIVITI SUKAN

- 1 Selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga bersetuju dengan pembukaan aktiviti sukan dalam tempoh PKP tertakluk kepada pematuhan SOP ketat seperti yang ditetapkan. **Kebenaran aktiviti bersukan berkuat kuasa pada 12 Februari 2021.**

- 2 Aktiviti-aktiviti sukan yang dibenarkan:
 - *Jogging, brisk walking*, berbasikal, senaman yang terhad kepada **dua (2) orang** dan dilakukan dalam kawasan kejiranan sahaja.
 - Tenis, badminton, ping pong (**acara perseorangan sahaja**).
 - Permotoran (**dua roda dan empat roda**).
 - Aktiviti latihan kemahiran sendiri seperti bola sepak, bola keranjang, hoki dan sepak takraw yang dilakukan secara berseorangan.
 - Gimnasium
 - Golf

C MEMANCING UNTUK PERIKANAN REKREASI

- 1 Selaras dengan keputusan Jawatankuasa Teknikal, Kerajaan Negeri bersetuju untuk membenarkan operasi Kolam Pancing, *HouseBoat*, Pelantar Pancing (kelong), Rumah Rakit dan Bot/Vesel Memancing berdasarkan SOP yang ketat berkuatkuasa mulai **12 Februari 2021**.

- 2 SOP Kolam Pancing, Pelantar Pancing (kelong), Rumah Rakit yang ditetapkan adalah seperti berikut :
 - Kolam pancing yang ingin beroperasi perlu berdaftar dengan PBT dan Jabatan Perikanan Malaysia, manakala Rumah Rakit dan Pelantar Memancing (kelong pancing) perlu berdaftar dengan PBT sahaja.

- Semua premis hendaklah memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya dua (2) meter antara setiap pemancing semasa aktiviti. Tempat duduk pemancing ditandakan dengan jelas.
- Premis juga hendaklah menyediakan pendaftaran pelanggan melalui MySejahtera, menyediakan *hand sanitizer* atau sabun untuk mencuci tangan, melakukan saringan suhu selain melaksanakan sanitasi setiap dua (2) jam mulai masa dibuka sehingga premis ditutup. Premis juga hendaklah disanitasi secara keseluruhan selepas ditutup.
- **Masa operasi yang dibenarkan adalah bermula dari 8.00 pagi sehingga jam 10.00 malam.**
- **Sebarang pertandingan memancing adalah tidak dibenarkan sama sekali.**

3 Manakala bagi SOP *Houseboat/Sewaan Bot* atau Sampan Memancing adalah seperti berikut:

- Mana-mana perkhidmatan *Houseboat/Sewaan Bot* atau Sampan Memancing yang ingin beroperasi perlu berdaftar dengan PBT dan Jabatan Perikanan Malaysia.
- Bilangan maksimum penumpang termasuk jurumudi dalam satu bot tidak lebih 50% daripada kapasiti asal.
- Pemilik *Houseboat* hendaklah menyediakan pendaftaran pelanggan melalui MySejahtera, menyediakan *hand sanitizer* atau sabun untuk mencuci tangan dan melakukan saringan suhu.

4 SOP Bot/*Vesel*/ memancing adalah seperti berikut:

- Pemilik bot/*vesel*/ perlu mempunyai lesen Jabatan Laut dalam tempoh yang sah dan berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia.
- Kapasiti bot/*vesel*/ tidak melebihi 50% daripada bilangan penumpang maksimum.

- Pemilik bot/vesel juga hendaklah menyediakan pendaftaran pelanggan melalui MySejahtera, menyediakan *hand sanitizer* atau sabun untuk mencuci tangan dan melakukan saringan suhu.
- **Walaupun bagaimanapun, pesta dan sebarang pertandingan memancing adalah tidak dibenarkan.**

5 SOP terperinci boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan Perikanan Malaysia dan MKN.

D INSTITUT MEMANDU DAN PUSAT LATIHAN PENERBANGAN

- 1 Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk membenarkan operasi Institut Memandu dan Pusat Latihan Penerbangan beroperasi dengan SOP ketat **bermula esok, 12 Februari 2021** selaras dengan keputusan di peringkat Persekutuan..
- 2 Bagi Institut Memandu, arahan ini merangkumi perkhidmatan latihan pemanduan, Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) 01, 02 dan 03, Perkhidmatan pra-ujian pemanduan (QTI), Perkhidmatan ujian teori dan praktikal (litar dan jalan raya).
- 3 **Waktu operasi dibenarkan bermula 7.30 pagi sehingga 8.30 malam.**
- 4 Antara SOP yang telah ditetapkan seperti berikut:
 - Mewajibkan pemakaian pelitup muka oleh pengajar dan calon sepanjang masa di dalam kenderaan SKIM.
 - Pihak IM perlu memastikan keberadaan calon yang berkaitan untuk slot latihan/pengujian sahaja berada di premis IM pada satu-satu masa dan tidak dibenarkan menunggu.
 - Mengamalkan penjarakan fizikal di kaunter/ tempat menunggu dengan pengosongan tempat duduk di antara pelanggan dan penandaan garisan bagi penjarakan fizikal 1 meter.

- 5 Manakala bagi Pusat Latihan Penerbangan, arahan ini merangkumi pentadbiran di *Approved Training Organization (ATO)* termasuk:
- *Type Rating Training Organization (TRTO)*
 - *Flying Training Organization (FTO)*
 - *Flying Club - Instruction in Flying (FC-IIF)*
- 6 Pentadbiran latihan berulang yang mandatori bagi menampung operasi penerbangan awam dibenarkan untuk Juruterbang, Jurutera Penerbangan, Pengawal trafik udara, Kru kabin, Kakitangan Sekuriti dan Pengendali bahan berbahaya.
- 7 Antara SOP yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:
- Pelatih yang telah berada di *Approved Training Organization (ATO)* perlu terus kekal berada di ATO.
 - Pelatih perlu mendapatkan surat kebenaran pergerakan bagi merentas negeri atau daerah untuk pergerakan ke/dari ATO.
 - Pergerakan pelatih dari/ke Semenanjung dan Sabah/Sarawak adalah tertakluk kepada garis panduan MKN negeri.
 - Semua kemasukan pelatih baru ke ATO adalah tertakluk kepada kelulusan CAAM.
 - Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara hibrid iaitu secara bersemuka dan dalam talian bagi pelatih yang berada di ATO dan kediaman sendiri selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Operasi (CAAM) dan ATO.
 - Semua aktiviti latihan penerbangan boleh dilaksanakan selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Operasi CAAM dan ATO.
- 8 SOP terperinci boleh di dirujuk di laman sesawang Kementerian Pengangkutan dan MKN.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga 11 Februari 2021, sejumlah **24,504** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 48 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 47,733 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 78 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 47 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 330 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 69 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun, APMM telah membuat pengusiran melibatkan tiga (3) warga asing.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah daerah iaitu Daerah Kota Kinabalu.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 90 lokasi melibatkan 14 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa Etnik Sabah.
- 5 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak **495** hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.9%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Tenom	94%
2	Beluran	94%
3	Kota Marudu	94%
4	Keningau	93.5%
5	Semporna	93%
6	Kunak	93%
7	Kota Belud	93%
8	Kinabatangan	93%
9	Beaufort	93%
10	Sandakan	93%
11	Sipitang	93%
12	Lahad Datu	93%
13	Kudat	93%
14	Ranau	93%
15	Tawau	92.5%
16	Tuaran	92%
17	Kota Kinabalu	92%
18	Papar	92%
19	Penampang	91%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
11 Februari 2021**